

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JKD 101 - Pengantar Pengajian Pembangunan

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab **TIGA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Jawab soalan 1 (WAJIB) daripada Bahagian A dan mana-mana **DUA** soalan daripada Bahagian B. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

**BAHAGIAN A (40 markah)**

1. Pilih dan huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- (a) Pendekatan Difusionisme mengikut Rostow.
- (b) Konsep dan ciri utama yang membezakan Negara Timur dan Negara Barat.
- (c) Ciri-ciri ketidakseimbangan negara-negara di dunia. (40 markah)

**BAHAGIAN B (60 markah)**

Jawab mana-mana DUA soalan.

2. Proses pergantungan kepada Dunia Barat hanya menambahkan kemunduran Negara Dunia Ketiga. Bincangkan. (30 markah)
3. Kos tenaga buruh murah di Negara Dunia Ketiga hanyalah satu penyebab ke arah proses "neo-colonialisme". Bincangkan. (30 markah)
4. Sejauh manakah perkembangan sosial, ekonomi dan politik di kebanyakan negara selepas Perang Dunia Kedua membantu kemunculan pengajian pembangunan? (30 markah)
5. Sejauh manakah keadaan kependudukan dapat dikaitkan dengan masalah kemiskinan di kebanyakan Negara Dunia Ketiga? (30 markah)

ooooOooo